

sains

KERATAN AKHBAR

26 SEPTEMBER 2023

NEW STRAITS TIMES

Utusan
MALAYSIA

Sinar
harian

astro
AWANI

NOGORI KITO

facebook

THE EDGE
MARKETS
MAKE BETTER DECISIONS

THE Sun

FMT
news
FREE AND INDEPENDENT

Star
The people's paper

Kosmo!
SUARA KONTEMPORARI

Metro

BERITA HARIAN

malaysiakini
terkini untuk anda

BERNAMA

RANIA

星洲日報
SIN CHEW DAILY

南洋商報
NANYANG SIANG PAU

中國報
CHINA PRESS

malaymail

SPAN pinda Akta 655, cadang larang air diguna tujuan tidak penting

26 SEPTEMBER 2023
SELASA



Pengerusi SPAN, Charles Santiago. - Foto fail NSTP

PUTRAJAYA: Penggunaan air untuk tujuan tidak penting seperti menyiram rumput dan taman mungkin akan dikenakan sekatan selepas ini, terutama ketika negara berdepan krisis atau kekurangan sumber bekalan berkenaan.

Itu antara cadangan dipertimbangkan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) yang sedang meminda Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655).

SAMBUNGAN

Pengerusi SPAN, Charles Santiago, berkata pindaan akta terbabit juga adalah untuk membolehkan bekalan air ditebus guna sebagai sumber alternatif yang bukan untuk diminum.

"Di bawah pindaan ini, perkhidmatan pembedaan akan merangkumi rawatan dan pengeluaran air tebus guna manakala perkhidmatan bekalan air akan merangkumi pengagihan serta membekalkan air tebus guna kepada pengguna," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan forum bertajuk 'Rising To The Water Regulatory Challenge and Future Changes' di sini, hari ini.

Dalam pada itu, Santiago berkata, seperti utiliti lain, sektor air membabitkan perbelanjaan modal yang besar dan terdedah kepada salah laku serta ketirisan.

Justeru, katanya, integriti serta tadbir urus menjadi cabaran utama kepada pengurusan perkhidmatan air dan pembedaan yang mampan.

"Contoh salah guna dan ketirisan dalam perkhidmatan air antaranya ialah rasuah membabitkan proses perolehan projek, nepotisme dan pilih kasih dalam menyediakan akses kepada pekerjaan serta kenaikan pangkat, penyelewengan dana dan lain-lain lagi.

"Sebab itu, kita memerlukan integriti yang kuat dan sistem tadbir urus yang baik dalam menangani rasuah, ketirisan serta salah guna kuasa," katanya.

Tegasnya, SPAN sebagai badan kawal selia industri perkhidmatan air mengamalkan sifar toleransi terhadap rasuah.

"Pengurusan tertinggi dan kakitangan operator pembekalan air dan pembedaan, kontraktor serta agensi wajib mematuhi kerangka antirasuah yang dilancarkan SPAN pada 2019," katanya.

Petaling, KL, Hulu Langat alami gangguan bekalan air berjadual 10 Oktober ini

26 SEPTEMBER 2023
SELASA

Air Selangor

Notis Pemberitahuan Awal Gangguan Bekalan Air Berjadual
Berikutan Pelaksanaan Kerja-Kerja Penambahbaikan dan
Penyenggaraan Aset di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Langat, Hulu
Langat

Kerja-Kerja Penambahbaikan dan Penyenggaraan LRA Sungai Langat	Tempoh pemuliharaan sistem agihan utama dan bekalan air secara bertperingkat	
Kerja Pembaikan Bermula 9:00 pagi, 10 Oktober 2023	Kerja Pembaikan Dijangka Selesai 7:00 malam, 10 Oktober 2023	Bekalan Air Dijangka Pulih Sepenuhnya 12:00 tengah hari, 12 Oktober 2023

Simpan bekalan air secukupnya sepanjang gangguan bekalan air berjadual ini.

CUCKOO
#SAMASAMAHeartier

**KEMPEN
ULANG TAHUN
CUCKOO KE-9**

SERTAI SEKARANG

Pelaksanaan kerja-kerja penambahbaikan dan penyenggaraan aset di LRA Sungai Langat menyebabkan gangguan bekalan air berjadual di Wilayah Petaling, Kuala Lumpur dan Hulu Langat bermula jam 9 pagi. - Gambar hiasan

SHAH ALAM - Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) akan melaksanakan kerja-kerja penambahbaikan dan penyenggaraan aset di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Langat, bermula 10 Oktober depan.

SAMBUNGAN

Air Selangor dalam kenyataannya memberitahu, pelaksanaan kerja-kerja itu menyebabkan gangguan bekalan air berjadual di Wilayah Petaling, Kuala Lumpur dan Hulu Langat bermula jam 9 pagi.

Menurut kenyataan itu, kerja-kerja itu dijangka siap pada jam 7 malam hari sama dan bekalan air akan mula disalurkan kepada pengguna secara berperingkat-peringkat setelah kerja-kerja penambahbaikan serta penyenggaraan siap dan seterusnya apabila sistem agihan utama bekalan air telah distabilkan.

"Bekalan air dijangka pulih sepenuhnya pada jam 12 tengah hari pada 12 Oktober ini (Khamis)," kata kenyataan itu pada Selasa.

Sehubungan itu, katanya, Air Selangor akan menggerakkan lori-lori tangki air ke kawasan terjejas dengan memberikan keutamaan kepada premis kritikal seperti hospital, klinik, pusat dialisis dan upacara pengebumian.

“

"Justeru itu, Air Selangor ingin menasihatkan pelanggan terjejas untuk menyimpan bekalan air secukupnya dan menggunakan air secara berhemah sepanjang tempoh gangguan bekalan air berjadual ini.

"Bagi pelanggan komersial pula, bekalan air terawat boleh dibeli di mana-mana kaunter khidmat pelanggan di seluruh wilayah Air Selangor," jelas kenyataan itu

Kenyataan itu turut memaklumkan, pelanggan komersial boleh menggunakan lori tangki air masing-masing di dua stesen pengisian air yang akan dibuka di Sunway Batu Caves dan Selayang Mutiara.

"Tempoh masa gangguan dan pemulihan bekalan air di kawasan terjejas berbeza bergantung kepada jarak lokasi premis pengguna dan tekanan pada sistem agihan bekalan air," ujarinya.

Pengguna juga boleh mendapatkan maklumat berhubung gangguan bekalan air berjadual ini dari semasa ke semasa menerusi saluran komunikasi rasmi seperti aplikasi Air Selangor, Facebook, Instagram dan Twitter atau hubungi Air Selangor di talian 15300.

Sebarang pertanyaan dan aduan boleh diajukan di Help Centre di laman sesawang www.airselangor.com dan aplikasi Air Selangor.

Info grafik mengenai notis pemberitahuan awal gangguan bekalan air berjadual berikutan kerja-kerja penambahbaikan dan penyenggaraan aset di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Langat bermula 10 Oktober depan.